

Rencana Pengarang/*Editorial*

Pembinaan Pangkalan Data Pengajian Dunia Melayu

Masih banyak lagi bahan penyelidikan pribumi kekal di Dunia Melayu walaupun sejumlah besarnya telah diangkut ke perpustakaan dan muzium di Eropah pada masa silam. Wujud dalam kepelbagaian media dan bentuk, termasuk yang bercetak dan digital, imej bergerak dan pegun, ucapan, kesan bunyi, lagu, kartun dan gabungan beberapa kategori media yang tersebut, kebanyakan bahan itu tidak mungkin diketahui orang ramai, maka tidak akan menjadi popular. Namun demikian, bahan-bahan yang masih ada pada kita masa kini itu tidak akan membawa kita ke mana-mana ke masa depan sekiranya tidak diurus dan dipelihara dengan cermat. Memandangkan kita sudah melompat katak ke era digital yang semakin canggih, sebahagian tanggungjawab pendokumentasian dan pemuliharaan aset itu telah jatuh dengan sendirinya ke atas bahu institut penyelidikan seperti ATMA. Oleh itu, cara yang lain harus dicari untuk mengesan, mengumpul, memulihara, lebih-lebih lagi membuatnya boleh didapati dengan lebih mudah dan cepat dalam bentuk digital.

Hidup di Dunia Melayu – yang juga disebut sebagai kawasan tadahan maklumat pribumi Melayu – kita tidak ada sebab menderita kerana tidak boleh mendapatkan bahan-bahan tersebut. Masalah itu bukan kerana kita kekurangan sumber maklumat pribumi, tetapi kerana kita tidak mempunyai cara yang baik untuk mengurusnya, lebih-lebih lagi memastikan penyebarannya. Ini juga disebabkan semakin banyak koleksi khas ditubuhkan, semakin sukarlah untuk kita mendapatkan bahan-bahan itu, kerana perpustakaan yang memiliki bahan-bahan itu telah mengawalnya dengan ketat. Dengan itu, kehendak dan keperluan untuk menjadikannya boleh diakses dengan lebih luas sudah ditenggelami kemegahan dan keangkuhan yang diwarisi kerana memiliki bahan-bahan itu. Di sini, banyak isu “perlindungan” telah berbangkit ekoran pustakawan dan pegawai perpustakaan itu terlalu mengutamakan peranan mereka sebagai pengawal. Tetapi, yang paling mendukacitakan ialah banyak daripada bahan yang disimpan itu tidak dikatalog.

Sejak April 1999, dengan kepimpinan baru Prof. Shamsul Amri Baharuddin, ATMA mula menggunakan teknologi yang terbaru, komputer dan ICT, dengan sepenuhnya untuk mengumpul, mendokumentasi dan memulihara bahan pribumi dan juga membuatnya boleh diakses dengan lebih mudah. Selepas lima tahun dan setelah banyak menggunakan masa, tenaga kerja dan wang dalam membina pangkalan data, satu lepas satu, yang saling melengkapkan dan memperkasakan yang lain, kita kini sudah berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menawarkan bahan tempatan kepada pihak-pihak yang berminat. Kejayaan itu perlu bukan sahaja kerana untuk memastikan maklumat pribumi yang banyak itu

boleh didapati sepanjang masa, tetapi juga untuk membina kebolehan dan kepakaran tempatan dalam mendokumentasi, memulihara dan menggalakkan penggunaannya di satu pihak, dan untuk mengurangkan kebergantungan kita pada penerbit dan pembuat pangkalan data Amerika Syarikat dan Eropah di satu pihak yang lain.

Pangkalan data ATMA yang pertama, PADAT, telah mula dibina pada 1999. Kini, ATMA sudah mempunyai sepuluh pangkalan data yang boleh dicapai di portal ATMA – www.malaycivilization.com – yang dibina dengan geran daripada DAGS (*Demonstrator Application Grant Scheme*) melalui MIMOS. Semenjak itu, banyak usaha telah dilakukan untuk memperkenalkan produk itu kepada klien dan pelanggan yang ditujui. Kami mahu kesemua pangkalan data ATMA diketahui lebih banyak orang untuk selanjutnya dapat digunakan dengan sebaik-baiknya oleh sarjana, penyelidik atau orang awam. Kami tahu iklan boleh membantu, tetapi kami tidak mampu membayar harga iklan yang mahal. Oleh sebab itu, kami telah menggunakan seminar untuk mencapai objektif tersebut. Pengiklanan dengan bercakap sendiri di seminar ternyata sudah juga membuahkan hasil dalam erti kata kehadiran kami di seminar telah meninggalkan kesan pada banyak bakal klien kami. Di seminar, banyak soalan telah dikemukakan dan kami telah berusaha dengan sedaya upaya untuk mengekalkan dan meningkatkan minat mereka. Secara umum, orang yang berminat sudah tertarik dan kagum dengan jumlah dan kepelbagaian maklumat yang kami sajikan dalam pangkalan data yang kami perkenalkan dari masa ke masa. Walaupun pendedahan melalui seminar itu telah berfungsi dengan baik, tetapi ia tidaklah mencukupi, memandangkan masa yang diberi itu terhad. Namun demikian, kami terhutang budi untuk selama-lamanya kepada penganjur seminar yang berkenaan kerana memberi masa dan ruang kepada kami untuk memperkenalkan produk kami.

Oleh itu, selain menghadiri seminar, kami telah muncul di radio dan televisyen untuk memperkenalkan produk ATMA. Kami juga memberi bantuan di telefon dan e-mail kepada mereka yang inginkan maklumat lebih lanjut tentang sistem kami dan juga cara-cara menggunakan sistem itu. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, kami telah didatangi pelawat dari KITLV di Leiden, Australian National University di Canberra, Institute of Southeast Asian Studies dan juga Malay Heritage di Singapura, dan organisasi lain daripada New Zealand, Jerman, Jepun, Indonesia, Filipina, Perancis, Taiwan, Hong Kong dan Amerika Syarikat, antara yang lain-lain. Kini, lebih daripada 100 orang tetap melawati portal ATMA setiap hari. Berisikan maklumat dalam pelbagai bahasa dan media itu, diharap portal ATMA bukan sahaja telah dapat menawarkan bahan penyelidikan yang paling terfokus tentang pengajian dunia Melayu, tetapi juga telah dapat mengisi kekosongan yang ada dalam pengajian itu di rantau ini.

Pada 2003, pengurusan ATMA telah membuat keputusan untuk menerbitkan pilihan kertas kerja yang ditulis tentang projek itu untuk menyambung publisiti yang dibuat di seminar terbuka, pernyataan akhbar dan pengenalan di radio dan televisyen. Penerbitan 11 buah kertas kerja itu adalah menurut kronologi untuk

turut menunjukkan proses pembangunan projek itu daripada peringkat awal pengenalan kepada pembangunan dan akhirnya kepada pencapaian maklumat penyelidikan yang berkenaan. Sehubungan itu, ingin kami mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Dr Ooi Kee Beng dari Institute of Southeast Asian Studies di Singapura dan juga Dr Supyan Hussin dari ATMA kerana telah berusaha mengedit kertas kerja dalam bahasa Inggeris dan Malaysia.

Dinilai perkembangan yang berlaku dalam tempoh lima tahun yang lepas, kami yakin yang kami dapat menawarkan banyak lagi produk, perkhidmatan dan kemudahan yang lebih inovatif guna membantu sarjana dan penyelidik memperluaskan dan memperdalamkan pengajian mereka tentang Dunia Melayu. Adalah harapan besar ATMA kiranya dapat kami terus menerus memberi pempekejan maklumat dan perkhidmatan dengan lebih baik kepada penyelidik di seluruh dunia. Hanya dengan terus-menerus memperkembangkan dan mempertingkatkan pangkalan data yang sedia ada, selain terus menerus membina pangkalan data yang baru dapatlah sejumlah bahan dan maklumat yang menarik dan yang sesuai diberikan. Sumber maklumat yang banyak itu mesti dipunyai untuk menampung kehendak *just-in-case* dan *just-in-time* daripada sarjana, penyelidik dan orang awam. Sekiranya bahan yang masih ada pada kita itu tidak dapat dikumpul dan diurus, tidaklah ada jaminan ia masih ada lagi untuk digunakan pada masa hadapan. Apa yang berlaku kepada penyelidikan akan mempengaruhi cara bahan itu diadakan. Seperti yang disebut sebelum ini bahawa perkara penting ialah bahan penyelidikan harus diurus dengan baik dan berkesan. Ini sangat mustahak kepada keberkesanan proses penyelidikan.

Ding Choo Ming
Ketua Editor

An enormous amount of indigenous research materials still remains within the Malay world, despite the fact that a great number of them have been moved to libraries and museums in Europe in the past. These come in a hodgepodge of media and formats, including printed and digital items, moving and still images, speeches, sound effects, songs, cartoons and various combinations of the above. Most of these will never become popularly and publicly known. Despite the abundance, what we now have will not sustain research in the future, unless they are prudently managed and preserved. As we leap into the increasingly complex digital age, part of the responsibility of digitally documenting and preserving such assets falls naturally on research institutions such as ATMA. Thus, different means have to be devised to identify, collect, preserve and make them available faster and easier in digital form.

Being in the Malay world – the so-called Malay indigenous information ‘catchment area’ – we have no reason to be suffering from inaccessibility to such information. The problem is not the indigenous information sources, but the viable methods of managing them and ensuring their distribution. This is also because the more special collections established, the more difficult it is for us to get them, because the libraries that own them tend to guard them tightly. The obligation of providing comprehensive access to them is overshadowed by the pride and arrogance inherent with the owning of them. Many ‘protection’ issues arise as the librarians and officials involved take their custodian role too seriously. The worst cases may involve works not getting registered at all.

Since April 1999, under the new leadership of Prof. Shamsul Amri Baharuddin, ATMA has made full use of cutting-edge computer technology and ICT in collecting, documenting and preserving indigenous materials, and making them easily accessible. After five years and after investing heavily in developing databases, one after another, each complementing and enriching the next, we are now in a better position to offer local materials to interested parties. This achievement has been necessary not only in order to ensure that the abundance of indigenous information is available all the time, but also to build local competence and capability in documenting, preserving and promoting its use, and thus lessen our dependence on American or European publishers and database manufacturers.

The first database from ATMA was PADAT, started in 1999. Today, we have ten different databases reachable through our portal – www.malaycivilization.com – constructed with a grant from DAGS (*Demonstrator Application Grant Scheme*) through MIMOS. Since then, much effort has been put into gaining publicity for our products among targeted clients and customers. We want our databases to be known more widely and then used more thoroughly, not only by researchers and scholars, but also by the general public. We know that advertising does help, but that costs more than we can afford. Since we cannot afford to pay for commercial advertising, we admittedly use seminars for the same purpose. These word-of-mouth advertisements work well to a certain extent that our presence in seminars leaves an impression with many potential clients. At such seminars, many questions have been put to us, and we have tried our best to sustain and increase their interest. So far, interested parties have been enthused and overwhelmed by the amount and variety of information offered in the databases we have periodically introduced. Although exposure through seminars works well, it is insufficient as the given talk-time is always limited. We are, nevertheless, eternally grateful to the organizers of the various seminars for allowing us time and space to introduce our products.

Besides presentations at seminars, we have gone on the air – on radio and television – to gain additional exposure for our products. We also have provided telephone and e-mail assistance to those who have needed information about

our systems, and assistance in their use. As a result, we have had visitors from time to time, including those from KITLV in Leiden, the Australian National University in Canberra, the Institute of Southeast Asia Studies and Malay Heritage in Singapore, and various organizations from New Zealand, Germany, Japan, Indonesia, the Philippines, France, the Republic of China, Hong Kong and the United States of America. We presently attract more than 100 visitors per day on average. Our portal has multilingual and media resources, and provides one of the most focused collections of research materials on the Malay World to be found in the world, and fills a void in the study of the region.

The management of ATMA has decided in 2003 to complement these public seminars, press releases and on-air appearances by publishing this selection of 11 original papers written about the project. These are arranged in chronological order in order to capture the project's developmental process of identifying, developing and providing accessibility to research materials on the Malay world via www.malaycivilization.com. We wish to express our deepest gratitude to Dr Ooi Kee Beng at Singapore's Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS) and Dr Supyan Hussin at ATMA for editing the papers in English and Malay respectively.

Judging from trends over the past five years, we are optimistic that we will be able to provide a more innovative line of products, services and facilities to help scholars broaden and deepen their research on the Malay world. It is our hope that ATMA will continue to provide improved information packages and services to researchers the world over. Only by tirelessly expanding and improving existing databases, and only through a continuous creation of new ones can a sufficient volume of interesting and relevant sources be kept accessible. It is vital that the abundance of information resources be made available to meet the needs of both *just-in-case* and *just-in-time* arising from scholars, researchers and the general public. But, if the materials that still exist today are not collected and documented, there is no guarantee that they will still be around in the near future. As mentioned earlier, the critical point is that research materials have to be properly and effectively managed. This is crucial to the efficiency of the research process.

Ding Choo Ming
Editor-in-Chief